
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

JPT 412 – Penerbitan Rancangan-Rancangan Pendidikan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

1. Bina satu Hierarki Pembelajaran untuk satu topik yang anda akan ajar dan jelaskan bagaimana setiap item di dalam hierarki ini perlu diajar.
(25 markah)
2. Jelaskan empat pembolehubah pembelajaran yang dimajukan meneruskan model pemprosesan maklumat. Bincangkan bagaimana tiap satu pembolehubah yang dinyatakan mempengaruhi pembelajaran. Berikan contoh-contoh yang sesuai untuk menjelaskan jawapan anda.
(25 markah)
3. Apakah reka bentuk pengajaran? Dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai huraikan implikasinya terhadap penerbitan bahan-bahan pengajaran.
(25 markah)
4. Huraikan satu model pengajaran inkuiri dan jelaskan bagaimana ia dapat diaplikasi di dalam mata pelajaran yang anda mengajar sekarang. Jelaskan bagaimana guru dapat membimbing pelajar semasa kaedah ini digunakan.
(25 markah)
5. Bincangkan sama ada perspektif objektivis masih relevan di dalam situasi pengajaran dan pembelajaran di Malaysia. Jelaskan jawapan anda dengan memberikan contoh yang lengkap.
(25 markah)
6. Dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai, huraikan maksud:
 - (a) paradigma
 - (b) skema
 - (c) strategi pembelajaran
 - (d) hyperlink
 - (e) penyelesaian masalah
(25 markah)